



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

**TEKS UCAPAN DASAR
KETUA PENGARAH
PLANMalaysia**

**RANCANGAN KORPORAT JABATAN (RKJ) TAHUN 2024
MEMPERTEGUH AGENDA PERANCANGAN BANDAR:
Perkasa Ikhtiar Dan Tata Kelola Kita**

9-10 September 2024 (Isnin-Selasa)

Hotel Lexis Port Dickson

Bismillahirrahmanirrahim.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ اٰجْمَعِيْنَ.

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan
**Salam PLANMalaysia, Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan
Negara.**

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis.

Yang Berusaha TPr Md Nazri bin Abdullah

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan);

Yang Berusaha TPr Haji Hassan bin Yaakob

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

Pengarah - Pengarah Bahagian PLANMalaysia Ibu Pejabat;

Pengarah-Pengarah PLANMalaysia Negeri;

Pengarah – Pengarah Pejabat Projek Zon PLANMalaysia;

Ketua-ketua unit;

Pegawai-pegawai Kader dari pelbagai Kementerian dan agensi; serta

Saudara/saudari yang saya hormati dan sayangi.

KATA-KATA ALUAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

1. Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinanNYA, dapat kita sekali lagi berhimpun dan berkumpul dalam platform Rancangan Korporat Jabatan tahun 2024.
2. Sebelum saya menyisir ucapan saya lebih lanjut, suka untuk saya berkongsi ayat 39 sehingga 42 dalam Surah An-Najm iaitu:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ۚ وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ ۚ
ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَىٰ ۚ وَأَن إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَىٰ ۚ

“Dan bahawa manusia hanya memperoleh apa yang telah diusahakannya (39). Dan sesungguhnya usahanya itu kelak akan diperlihatkan (kepadanya) (40). Kemudian akan diberi balasan kepadanya dengan balasan yang paling sempurna (41). Dan sesungguhnya kepada Tuhanmulah kesudahannya (segala sesuatu) (42).” (Surah: An-Najm: 39-42)

3. Apa yang ditekankan di dalam ayat ini, jelas sekali memberi maksud bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya iaitu memperoleh kebaikan dari usahanya yang baik. Jadinya, berusahalah kita melakukan kebaikan bukan sahaja di dalam ibadah tetapi juga di dalam pekerjaan.

4. DIA bukan sekadar menyuruh hamba-NYA solat, berpuasa ataupun zakat. Sebaliknya DIA juga memerintahkan kita untuk mencari nafkah dan bekerja sebagaimana dinyatakan secara jelas dalam firman ALLAH SWT:

“Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing).” (Surah al-Jumuah, ayat10)

5. Ini adalah amanah kita, juga **IKHTIAR** kita. Semuanya tentang akauntabiliti atau kepertanggungjawaban dalam semua hal, yakni kepada diri sendiri, keluarga, kerja kita dan masyarakat jua.
6. Islam juga menggalakkan umatnya untuk tekun dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. **Konsep ITQAN (TEKUN)** dalam Islam bermaksud menyempurnakan satu tuntutan tanpa kurang sedikitpun, dengan sesempurna mungkin disertai dengan usaha agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan. Hal ini juga amat bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh PMX sempena MAPPA baru-baru ini iaitu **“Al-ITqan Fil Amal” iaitu bersungguh-sungguh dalam pekerjaan (strive for excellence).**

PENGUKUHAN RANCANGAN KORPORAT JABATAN 2024

Saudari / Saudari sekalian,

7. Terkait dengan konsep ikhtiar dan tekun tadi, suka untuk saya kongsikan bahawa RKJ tahun ini adalah **RKJ yang ke 17** semenjak RKJ yang pertama diadakan pada tahun 2007. Walaupun 17 tahun

adalah satu tempoh yang panjang tetapi saya yakin bahawa usaha-usaha untuk merancang dan melaksanakan RKJ tidak boleh dinoktahkan tetapi ia perlu diperteguh dan diperkasa.

8. Justeru itu, tema RKJ pada tahun 2024 ialah **“MEMPERTEGUH AGENDA PERANCANGAN BANDAR: PERKASA IKHTIAR DAN TATA KELOLA KITA’**. Asas pembentukan RKJ tahun 2024 adalah dengan berpandukan **daripada dua belas (12) Resolusi dengan enam puluh sembilan (69) tindakan** sepertimana diwacana dan diputuskan dalam Pelan Tindakan RKJ 2023 yang merangkumi fokus Jabatan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang iaitu tahun 2025, 2030 dan 2040.
9. Sebagai seorang yang telah diberikan amanah olehNYA untuk memimpin Jabatan ini, saya tidak hanya berpeluk tubuh. Saya telah melontarkan rangka dan idea awal untuk dibincangkan dalam RKJ kali ini. Tiga (3) tema berkaitan telah dipilih iaitu **(i) – Produk Perancangan, (ii) – Expected Target dan Outcome (iii) - Tatakelola dan Tadbir Urus**. Saya ingin dengar idea saudara/saudari bagaimana kita perlu lagi sedaya upaya berikhtiar menampakkan lagi produk kita dan ke mana arah tujuanya? Hasrat saya supaya kita warga PLANMalaysia perkasa ikhtiar dan produk kita dalam menjalankan inisiatif baharu serta memperkasakan tata kelola kita. Dari sudut organisasi, tata kelola dalam konteks personel pegawai boleh digarap melalui **sahsiah yang unggul** seperti mana SUPERB yang telah saya perkenalkan. Ringkasnya perkataan **SUPERB** membawa erti:

S Skillfulness - Kemahiran

U Unity - Kebersamaan

P Passion - Kesungguhan

E Empathy - Belas kasihan

R Responsive - Responsif

B Believe – Kepercayaan

10. Kita perlu **mengamalkan budaya kerja *do it right at the first time***, mengadaptasi amalan terbaik dalam mengatasi cabaran atau isu perancangan yang sama **melalui *lesson learnt* dan *other observation***. Selain itu, kaedah pemantauan secara libat urus dan turun padang serta pemantauan menerusi cara '***follow up dan follow through exercise***' adalah sangat penting. Malah, konsep penilaian berasaskan keberhasilan ini menjadi satu kaedah teta kelola dalam semua urusan kerja dengan membuang kaedah kerja secara 'silo mentality'. '***We Must Go Extra Mile In Planning and Implement It through strategic collaboration***'.
11. Saya mencadangkan agar Rancangan Korporat Jabatan ini seharusnya dijadikan wadah untuk mengangkat martabat dan memperteguh strategi jabatan dengan matlamat untuk terus "***raise the bar***" dan mencapai *outcome* yang lebih tinggi. ***Transform and reform*** kalau ada pengalaman lama yang baik, kita ambil tetapi apabila ada **peluang untuk melakukan anjakan**, kita lakukan dan tinggalkan **amalan 'bobrok'**.

Saudari / Saudari sekalian,

12. Meneruskan momentum RKJ 2023 yang lalu, kaedah ***FOLLOW THROUGH EXERCISE*** bagi tindakan-tindakan yang lalu akan diteruskan bagi RKJ tahun 2024. Saya berharap kita semua sedaya upaya bergerak seperti yang dirancang melalui kaedah konvensional atau pendekatan yang lebih kritis dan segar. Dalam masa yang sama, tindakan-tindakan “beyond conventional” juga perlu dibincangkan supaya profesion ini terus relevan bagi mendepani isu dan cabaran di peringkat tempatan mahupun global.
13. Sekadar makluman, sebanyak 12 resolusi telah dikenal pasti yang disokong dengan 69 Tindakan (sehingga Tahun 2040). **Daripada 69 tindakan tersebut, sebanyak 55 tindakan telah dipantau pelaksanaannya** iaitu melibatkan tindakan pelaksanaan berterusan dan tindakan baharu bagi tahun 2024.
14. Daripada **55 tindakan tersebut**, sebanyak:
 - i. **1 selesai dan dicadang digugurkan (penjenamaan semula pusat bandar pintar negara)**
 - ii. **29 tindakan telah selesai dan pelaksanaan berterusan;**
 - iii. **24 sedang dilaksanakan;** dan
 - iv. **1 belum dilaksanakan** (RKJ 38 - Menempatkan pegawai – pegawai Jabatan di institusi antarabangsa).
15. Berdasarkan pencapaian prestasi yang saya nyatakan sebentar tadi, boleh saya rumuskan bahawa semua perancangan dan pencapaian kita adalah ***ON TARGET***. Tetapi bagi **satu (1) lagi tindakan** yang belum dilaksanakan, saya berharap semua ahli RKJ

dapat menghalusi asbab tindakan ini belum dilaksanakan...
“Adakah ia tidak lagi relevan?” ataupun “Ia bukan lagi menjadi keutamaan *core bussiness* kita?”

16. Kebersamaan (*togetherness*) – itulah yang sering saya sebut. Untuk RKJ kali ini, kita juga ingin **mendengar pandangan dan idea pegawai-pegawai J41/J44** untuk menentukan hala tuju jabatan. Tiada sesiapa yang kita abaikan. Oleh itu, kita juga telah memanjangkan emel kepada semua pegawai termasuk kader, OSC dan negeri untuk sama-sama memberikan idea mereka. Pada hari ini, kita akan turut sama memperhalusi pandangan mereka yang relevan untuk disuaipadan dalam RKJ kali ini.
17. Bersempena RKJ kali ini, kita amat berbesar hati dapat sama-sama mendengar pembentangan khas daripada seorang insan hebat iaitu YBrs. Dr. Amat Taap Manshor, Ketua Pegawai Eksekutif AJM International Academy Sdn. Bhd yang mempunyai kepakaran dalam perancangan strategik dan pembangunan eksekutif untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan organisasi. Tidak lupa juga, pembentangan dari orang kanan dan kiri saya, yang akan berkongsi visi mereka terhadap hala tuju Jabatan. Tiga (3) pembentangan tersebut adalah:

i. Pembentangan 1:

***PERANCANGAN STRATEGIK BERIMPAK TINGGI:
MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN
DALAM PENGURUSAN DAN PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA***

Oleh : YBrs. Dr. Amat Taap Manshor

Ketua Pegawai Eksekutif

AJM International Academy Sdn. Bhd.

ii. Pembentangan 2:

***FAKTOR EKONOMI DAN DATA DALAM RANCANGAN
PEMAJUAN***

Oleh : YBrs. TPr Md Nazri bin Abdullah

Timbalan Ketua Pengarah Perancangan

iii. Pembentangan 3:

IKHTIAR PERKASA PRODUK PERANCANGAN

Oleh : YBrs. TPr Haji Hassan bin Yaakob

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

18. Saya berharap semua pembentangan tersebut dapat dijadikan input kepada semua untuk dicerakinkan dan dikupas dengan lebih mendalam dalam sesi perbincangan RKJ sebentar lagi.

PERKASA IKHTIAR BAGI MEMPERTEGUH AGENDA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA MALAYSIA

Saudari / Saudari sekalian,

19. Seperti yang saya sebutkan semasa Perhimpunan Awal Tahun lalu, kita sebagai pegawai pengurusan dan profesional perlulah menjadi tonggak dan contoh dalam membudayakan **gerak kerja “Four plus ONE”** yang telah disuai padan dengan konsep dan gagasan Malaysia MADANI yang mengarahkan kepada:
- i. **Gerak Kerja 1: Meneruskan Ikhtiar Perancangan Bandar Bagi Merealisasi Malaysia MADANI dan Mengangkat Visibiliti PLANMalaysia Di Peringkat Negara dan Global;**
 - ii. **Gerak Kerja 2: Memperteguhkan PLANMalaysia Selaras Dengan Aspirasi Bidang Fokus Utama KPKT;**
 - iii. **Gerak Kerja 3: Memantapkan Tatakelola Perancangan Melangkaui Kelaziman;**
 - iv. **Gerak Kerja 4: Meningkatkan Liputan Media yang Lebih Terangkum dan Tersohor; dan**
 - v. **Gerak Kerja 5 (baharu) : Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk ‘Ease of Doing Business’ di Malaysia** (iaitu bagi memudah cara urusan perniagaan dan pelaburan ekonomi).
20. Gerak kerja “Four plus ONE” ini disokong dengan enam (6) kaedah (modus operandi) iaitu **FOCUS, COMPLEMENT, COLLABORATE, LISTEN, CARE dan EMPOWER** serta seiring dengan **konsep**

G.R.E.A.T yang diperkenalkan oleh mantan YBhg. Tan Sri KSN. **G.R.E.A.T** merupakan akronim kepada :

- i. *Good Governance* (Tadbir Urus Terbaik),
- ii. *Responsible* (Bertanggungjawab),
- iii. *Empathy* (Ihsan),
- iv. *Accountable* (Kebertanggungjawaban) dan
- v. *Tenacity of Purpose* (Fokus Pada Matlamat).

21. Tidak ketinggalan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam juga turut memperkenalkan prinsip **H.E.M.A.T** (**HIJRAH TATAKELOLA, EMPATI RAKYAT, MINDA PEKIN, APRESIASI INOVASI DAN TELUS PENTADBIRAN**).
22. Pengukuhan kesemua gerak kerja dan tata kelola ini adalah perlu bagi mendokong pencapaian **Bidang fokus Utama KPKT, di mana** PLANMalaysia telah diberi tanggungjawab untuk “**Memperkuh Agenda Bandar Mampan dan Pintar Ke Arah Perbandaran Baharu**”. Hal ini juga, saya ingin kaitkan dengan Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang mana **Penarafan Bandar Pintar** telah dipilih di bawah KSMM yang dipantau rapat setiap bulan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), JPM. Di bawah gagasan Ekonomi MADANI, ia berkait rapat dengan Teras Strategik 1 iaitu Kemampanan Ekonomi Negara dengan strategi Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah.
23. Sebagai salah satu ikhtiar kerajaan MADANI, program “**Santuni MADANI Satu Pemimpin Satu Kampung**” diperluaskan kepada semua ketua setiausaha, ketua jabatan dan ketua agensi termasuk

saya sendiri untuk meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat desa. Program ini telah membuka peluang untuk mempromosi penggunaan **Sistem Ciri-ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMs - “Ingat Kampung, Ingat S-CHARMs”)**. Dengan adanya S-CHARMs, keperluan dan isu sosio-ekonomi penduduk kampung yang dipilih boleh dikenalpasti dengan mudah dan cepat dan membolehkan cadangan penyelesaian turut dikenalpasti mengikut 7 fokus utama iaitu kemiskinan, keciciran pendidikan, kesihatan, pengangguran, keselamatan, penyalahgunaan dadah, dan infrastruktur yang berlandaskan rukun Malaysia MADANI.

24. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan pegawai kanan kerajaan turun padang sebagai pemimpin, tetapi sebagai anak kampung yang prihatin terhadap nasib dan kebajikan masyarakat kampung. Program ini turut menyantuni **pendekatan perancangan mikro atau 4-tier planning** seperti mana yang sedang dilaksanakan dalam **Pelan Tindakan Khas Komuniti Kg. Tanjung Gelam** oleh PPZR bersama penduduk kampung.
25. Kesemua yang saya nyatakan tadi, amat seiring sejalan dengan tema yang kita pilih untuk RKJ kali ini yang bertitik tolak kepada kata kunci **“TATA KELOLA”**. Prinsip ini mengingatkan kita semua untuk sentiasa **“IKHTIAR”** untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan penerapan nilai yang unggul dan cemerlang, berupaya menyantuni aspirasi Malaysia MADANI, menambah baik tata kelola dan meningkatkan kompetensi diri.

RESPONSIF DAN TEGUH MENDEPANI CABARAN EKONOMI DUNIA

Saudari / Saudari sekalian,

26. Ekonomi negara dan urbanisasi. Saling terkait antara keduanya, bergerak seiring seadanya. Jika dulu, pada tahun 1970an dengan penduduk sejumlah 10.9 juta orang, kita di ambang pasca merdeka yang mana ketika itu fokus diberikan kepada pembangunan ekonomi dan perdagangan dunia. Diteruskan pula dengan peralihan Dasar Ekonomi Baru (1971-1980) yang mengarah kepada pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi keseimbangan ekonomi. Pada 1987-2022 dengan **jumlah penduduk 32.7 juta orang pada tahun 2022**, fokus negara ketika itu adalah Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara, Dasar Transformasi Negara dan Wawasan Kemakmuran Bersama. *(sumber: Kementerian Ekonomi sempena Seminar Perbandaran : Ke Arah Bandar Hijau, Pintar dan Berdaya Saing 2024)*. Semakin ramai penduduk, semakin banyak senario dunia dengan cabaran-cabaran tidak tentu hala yang perlu dihadapi.
27. Beralih kita kepada fokus ekonomi negara hari ini. **Ekonomi Negara** berkembang di trajektori tepat dengan mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus pada suku kedua berbanding 4.2 peratus pada suku pertama. Berpaksikan kepada **“Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat”** dengan roh dan semangat ‘bulat segiling, pecak setapak’, Malaysia telah **mensasarkan agar dapat tergolong antara 12 terbaik di dunia dari segi daya saing dan “ease of doing business”**. Hal ini bertepatan ini dengan gerak

kerja Baharu (yang ke-5) iaitu “Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk ‘Ease of Doing Business’ di Malaysia.

28. Selain itu, Malaysia juga menyasarkan **menjadi antara 30 ekonomi terbesar di dunia** dalam tempoh 10 tahun dengan menumpukan kepada penyerantauan dan daya saing yang lebih besar, mengutamakan kerumitan ekonomi dan meningkatkan rantai nilai.
29. Harus diingat bahawa sasaran yang tinggi seperti ini hanya boleh dicapai dengan rangka strategik dan pembaharuan ketara untuk menarik pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi dari seluruh negara.
30. Salah satu pembaharuan yang telah dirangka adalah **Sidang Kemuncak KL20 pada 22 April 2024** dengan sasaran **“To Make Kuala Lumpur A Top 20 Global Startup Hub”**. Ini menunjukkan Kerajaan MADANI memainkan peranan kritikal dalam memupuk persekitaran yang kondusif untuk syarikat pemula di Malaysia melalui **Pelan Tindakan KL20** yang bertujuan melonjakkan Malaysia ke kedudukan 20 teratas dalam ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030.
31. Tidak berhenti di situ, antara perubahan ketara lain yang ingin dibawa kerajaan adalah meletakkan Malaysia sebagai paksi kepada peneraju dalam semikonduktor, tenaga bersih, teknologi pertanian (*agritech*) dan teknologi kewangan (*fintech*) Islam.

32. Semestinya kerajaan juga tidak ingin mencapai sasaran yang tinggi semata-mata tanpa memikirkan kemampanan sumber alam, daya tahan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.
33. Justeru, pelancaran **Blueprint Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal (2025-2035)** oleh KPKT telah menetapkan visi “Malaysia mencapai transformasi ekonomi kitaran bagi pengurusan sisa pepejal yang memaksimumkan kecekapan sumber dan meminimumkan penjanaaan sisa pada masa yang sama **menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemampanan alam sekitar menjelang tahun 2050**”.
34. Isu-isu seperti kebergantungan kepada sumber asli, penjanaaan sisa dan kesan negatif pembangunan kepada alam sekitar juga merupakan isu-isu utama perbandaran. Oleh itu, Blueprint ini semestinya memerlukan kerjasama semua pihak berkepentingan terutamanya seperti jabatan kita sendiri yang merupakan peneraju perancangan bandar dan desa.
35. **Jadi apa pula kaitan kita dengan semua *target* ini? Apa kaitannya perancang bandar dengan ekonomi dan daya laksana?**
36. Lantaran itu, *Quick Win* kita bagi menyokong kerangka Ekonomi MADANI memerlukan **anjakan paradigma baharu** (jangka masa pendek) iaitu **peralihan pendekatan daripada mengawal pembangunan (*development control*) kepada menggalakkan pembangunan atau memudahcara pembangunan** dengan mempercepat proses prosedur kelulusan kebenaran merancang serta memanfaatkan “*big data analytic*” melalui pembangunan MUO

- “*Planning Big Data Towards Smart Nation*”. Ini mencerminkan kita semua perlu fokus kepada “*ease of doing business*” untuk mendorong pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pelaburan serta membantu memulihkan ekonomi negara daripada perangkap kitaran ekonomi yang statik dan tidak menentu.

REFORMASI PERANCANGAN KE ARAH “EASE OF DOING BUSINESS”

37. Baru-baru ini, **LAPORAN WORLD COMPETITIVENESS RANKING (WCR) 2024** yang dikeluarkan oleh *International Institute for Management Development* (IMD) telah menunjukkan kita berada di kedudukan **ke-34 daripada 67** buah negara yang dinilai, iaitu **menurun 7 anak tangga** berbanding kedudukan ke-27 pada tahun 2023. Malaysia ketinggalan daripada negara jiran kita iaitu Singapura, Thailand dan Indonesia.
38. Laporan WCR 2024 ini mengukur prestasi daya saing negara berdasarkan perbandingan data dan mengukur penarafan berdasarkan 4 indikator iaitu **prestasi ekonomi, kecekapan Kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur termasuklah perkara yang melibatkan *ease of doing business***. Kepentingan aspek *ease of doing business* dalam negara dilihat masih ketinggalan berbanding negara-negara serantau seperti Thailand dan Vietnam.
39. Hal ini boleh dibaiki dengan pendekatan Keseluruhan Kerajaan (*Whole-of-Government Approach*) yang kukuh dengan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang pantas dan efisien serta

hala tuju ekonomi yang jelas. Sama seperti konsep “kebersamaan” (*togetherness*) seperti yang saya sebutkan di awal tadi.

40. Apa jua inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan, ia perlu dinilai dengan lebih objektif melalui **konsep *Return of Investment (ROI)* dan *Cost Benefit of Analysis (CBA)* dari sudut ekonomi mahupun sosial** supaya dapat terus melonjak reformasi ekonomi, seterusnya memperkasa rakyat dan melonjak pembangunan negara dengan cara dan perlakuan tatakelola dan tatacara yang cekap, tuntas dan berintegriti.
41. Hal ini bertetapan dengan hasrat Jemaah Menteri untuk tahun 2024 (yang terhasil dari Pemukiman Jemaah Menteri pada 17-18 Januari 2024) yang menggarapkan mesej untuk kita semua penjawat awam bergerak dan beranjak kepada dua asas yang perlu dicapai iaitu **ekonomi dan pelaksanaan**. Disebutkan oleh YAB Perdana Menteri dengan mesej **(i) Ekonomi, ekonomi, ekonomi dan (ii) Pelaksanaan, pelaksanaan, pelaksanaan**.
42. Hal ini juga selari dengan petikan ucapan YAB Perdana Menteri di dalam Perutusan Negara pada 21 Mei 2024:

“Proses ke arah perubahan ampuh bukanlah suatu yang mudah. Malah, kita dituntut untuk keluar dari zon selesa agar perubahan dapat berlaku; dan kemajuan ekonomi yang dicapai ini tidak bermakna jika kita masih lagi dibelenggu pemikiran yang sempit dan tidak ada kemahuan atau ikhtiar untuk berubah.”

“ON TARGET AND ON PURPOSE”

Saudara / Saudari sekalian,

43. Alhamdulillah, setakat hari ini Jabatan telah banyak menganjurkan dan menyertai program-program yang amat berkait rapat dengan gerak kerja seperti mana yang saya uar-uarkan di awal tadi.
44. **Gerak Kerja 1: `Mainstreaming` Perancangan Bandar dalam Konteks Negara dan Antarabangsa**

i. Pengantarabangsaan

Bil.	Pencapaian Pengantarabangsaan	Tarikh
1.	Study Visit on The Management of Social Risk and Impacts for Development Projects daripada Delegasi Kenya dan World Bank	29 Januari 2024 sehingga 2 Februari 2024
2.	UN-HABITAT melalui Urbanxpertise#1: Urban Monitoring Framework By UN-Habitat	5 Februari 2024
3.	Taklimat Kepada Delegasi Dari Kementerian Infrastruktur Dan Pengangkutan, Kerajaan Bhutan	20 Februari 2024
4.	Pembentangan Smart City Agenda: Comprehensive Governance towards Liveability – Unlocking Investment Opportunities in Malaysia di InnoEX 2024	13 April 2024
5.	World Bank Technical Mission to PLANMalaysia	9 Mei 2024

6.	Kunjungan hormat dari the Shanghai Planning and Natural Resources Bureau, People's Republic of China	17 Mei 2024
7.	Persidangan Expert Roundtable Berkaitan "Better Cities For Greater Growth: Rethinking Malaysian Cities For Sustainable Development" Oleh Think City Dan The World Bank	12 Jun 2024
8.	The Asean-China Cooperation and Development Forum On Building, Housing dan Urban Development	5 Julai 2024
9.	7th ASEAN Smart Cities Network - Annual Meeting and Discussion Conferences	29 Julai 2024 sehingga 31 Julai 2024
10.	Lawatan Kerja Rasmi YAB Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Ke Timor-Leste,	27 sehingga 31 Ogos 2024
11.	Smart City Expo World Congress (SCEWC) di Hangzhou Grand Convention and Exhibition Center	24 sehingga 29 September 2024

ii. **Projek Berkepentingan Nasional**

- a. Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5);
- b. Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3);
- c. Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL);
- d. Pelan Induk Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN);

- e. Kajian Sempadan Antarabangsa Malaysia Thailand (KSAMT);
- f. Perancangan Spatial Marin (MSP);
- g. Rancangan Wilayah: Pelan Pengurusan Tanah Tinggi Cameron Highlands - Kinta - Lojing (CEKAL);
- h. Kajian Rancangan Wilayah: Pelan Pengurusan Persempadanan Antara Pekan-Kuantan-Kemaman-Dungun-Jerantut (PAKADJ); dan
- i. Pembangunan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO) Fasa 1.

45. Gerak Kerja 2: '*Positioning*' PLANMalaysia dalam Konteks KPKT

- i. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu EV Kebangsaan (NEVSC) Bil.1/2024 dan Bil.2/2024;
- ii. Penyampaian Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) 2024 – Anugerah Amalan Perancangan Terbaik 2024 kepada pihak berkaitan yang telah melaksanakan pemajuan atau projek yang mematuhi empat (4) garis panduan perancangan dan panduan inisiatif berkaitan yang telah disediakan oleh PLANMalaysia;
- iii. Program Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) – tujuh (7) Bandar Sihat telah dipilih iaitu Bandar Kluang, Kuala Terengganu, Jerantut, Ampang Jaya, Kulim, Perlis dan Marang.
- iv. Penyediaan Garis Panduan Perancangan:
 - Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan.
 - Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi (GPP TaKeR).

- Garis Panduan Perancangan Kilang Tanaman (GPP KiTa).
 - Garis Panduan Perancangan Pusat Data (Data Center).
 - Garis Panduan Perancangan Dan Pengurusan Unsur Nadir Bumi (GPPNB).
- v. Penganjurkan seminar-seminar perancangan pembangunan:
- Seminar Perbandaran : Ke Arah Bandar Hijau, Pintar dan Berdaya Saing.
 - Diskusi Agenda Nasional 3 (DAN3): Memperteguh Agenda Perancangan Pembangunan Negara.
 - Simposium Perancangan dan Pembangunan Desa Peringkat Kebangsaan 2024 yang bertemakan Economic Diversity, Resilient Future: Growing Rural Prosperity.

46. Gerak Kerja 3: Liputan Media dan `Social Media' (Data Dari Januari – 31 Julai 2024)

- i. 434 Posting Social Media di facebook, tiktok dan instagram sehingga Julai 2024
 - Facebook : 331 post
 - TikTok : 26 post
 - Instagram : 33 post
 - Twitter : 44 post
- ii. 192 Liputan Media
- iii. 3 Sesi Sidang Media
 - Anugerah Bandar Paling Bahagia 2024 : Komitmen KPKT Dalam Memperkukuh Agenda

- ‘Sentuhan Kasih’ KPKT Memperuntukkan RM8.12 Juta Bagi Pembangunan Komuniti Yang Berkesan Dan Mampan Di Negeri Perlis
- Majlis Pra Pelancaran GPP TaKeR
- iv. 5 Sesi TEDtalk PLANMalaysia
- v. 3 Sesi Wawancara Televisyen
 - Malaysia Hari Ini (MHI) TV3 – Bandar Paling Bahagia Di Malaysia bagi Tahun 2024
 - Selamat Pagi Malaysia (SPM) TV1 – "SELANGOR 2035 : KE ARAH PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF" 6 Sesi Siaran Radio (sasaran 10 Siaran Radio)
 - Malaysia Hari Ini (MHI) TV3 – Johor Smart City Day 2024
- vi. 8 Sesi Wawancara Radio

47. **Gerak Kerja 4: *Planning Beyond Conventional*** - Memperkukuhkan Hala Tuju dan Pengurusan Jabatan

- i. Jabatan juga telah menjalankan dasar terbuka untuk menerima dan menjalankan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan iaitu:
 - a. perbincangan kolaborasi strategik antara KPKT dengan JWP dalam mengintai ruang dan peluang untuk jaringan kerjasama yang boleh diadakan khususnya dalam konteks pemakaian garis panduan perancangan, pelaksanaan bandar pintar, pembaharuan semula bandar dan produk-produk lain yang bersesuaian.
 - b. perkongsian mekanisme pelaksanaan MPFN di Wilayah Persekutuan bersama YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) mengenai perkara-perkara yang boleh diangkat oleh DBKL untuk pertimbangan dan nasihat MPFN.

- c. penyerahan PeGTaECRL Bersempena “Seminar On East Coast Rail Link – Economic Accelerator Project (EAP) Business And Investment Opportunities” kepada Ketua Pengawai Eksekutif MIDA, YBhg. Datuk Wira Arham bin Abdul Rahman dan disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz.
- d. mengukuhkan kerjasama bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam membangunkan Sistem Malaysia Urban Observatory melalui Pemeteraian Garis Panduan Perkongsian Data di antara KKR dan KPKT.
- e. pembentangan Draf KAGUMN dalam Mesyuarat peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
- f. pembentangan GPP KiTa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Dato’ Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri. GPP KiTa juga dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKSMN) Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

- ii. Tidak berhenti di situ sahaja, Jabatan juga sentiasa menjalankan kerjasama bersama Institut-Institut pendidikan antaranya UTM, UiTM, UIA, USM, UPM, UMT, UniSZA dan POLIMAS.

48. **Gerak Kerja 5 (baharu) : Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk `Ease of Doing Business` di Malaysia** (iaitu bagi memudahkan cara urusan perniagaan dan pelaburan ekonomi).

- i. Penubuhan Planning Advisory Management Office (PAMO) bagi memudahkan cara dan memberi khidmat nasihat teknikal kepada projek pembangunan dan pelaburan *swasta (mega scale and high impact project)* untuk tujuan *ease of doing business*.
- ii. Sehingga kini, PAMO telah memainkan peranan memudahkan cara bagi beberapa projek seperti berikut:
 - a. Kerian Integrated Green Industrial Park;
 - b. Electric Vehicle Charging Hub (EVCB);
 - c. East Coast Rail Link (ECRL);
 - d. Penyediaan Infrastruktur Pengecasan Bas Elektrik oleh Prasarana Berhad;
 - e. Recreational Vehicle Tourism di Malaysia; dan
 - f. Navigating Data Centre Development.

PLANMALAYSIA: PERKASA IKHTIAR, TERUS TERSOHOR DAN UNGGUL

49. Saya suka menegaskan bahawa kita tidak boleh berpuas hati atau *complacent* dengan apa yang kita capai sekarang. Banyak usaha lagi perlu dibuat bagi meningkatkan **visibiliti dan kepentingan Jabatan terutamanya kepada Rakyat Malaysia**, kerana perancangan bandar sering dianggap sebagai bidang yang kurang inisiatif ***touch point***. Apapun yang kita lakukan, kita kena keluar dari zon selesa dan melakukan anjakan paradigma. Ibarat kata-kata pengasas Disney Land iaitu Walt Disney yang selalu kita dengar semasa zaman kecil kita dulu – ***“if you dream it, you can do it”***.
50. Hala tuju Jabatan kini perlu memfokuskan kepada ***planning with community*** dan ***follow through exercise***. Fokus kini perlu diberikan untuk:
- i. Terus memperkukuhkan **fungsi dan peranan MPFN, JPW, JPN dan Ketua Pengarah**.
 - a. **Perluasan fungsi Ketua Pengarah** dalam pelbagai aspek sama ada sosial mahupun ekonomi, yang mana buat pertama kali Ketua Pengarah PLANMalaysia telah dilantik sebagai ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Turut dilantik bersama-sama ialah Ketua Pengarah JKR dan JPS. Ini jelas membuktikan “orang ekonomi” nampak peranan perancangan bandar dalam konteks ekonomi.

- b. Tidak mahu ditakuk lama, **pembentangan kertas yang strategik di MPFN dan *alert paper*** yang boleh menarik perhatian Ahli MPFN untuk isu-isu strategik perancangan.
 - c. Memperluaskan **peranan dan fungsi JPW** (contoh : pengurusan lembangan sungai).
 - d. Memperkukuhkan **peranan Pengarah Negeri** sebagai setiausaha JPN dan juga pengantara di antara Persekutuan dan Negeri dalam mempromosikan peranan/produk Jabatan.
- ii. Saya melihat tahun 2025, akan menjadi satu “**wow impact**” bagi *smart city* kerana kita mensasarkan 62 PBT perbandaran dan bandaraya akan mendapat penarafan “**smart city early adopter**”. Sehingga Ogos, sebanyak 53 libat urus telah diadakan untuk *facilitate* pelbagai *stakeholders*. Malah tahun ini, kita nampak trend penyertaan “**smart city early adopter**” telah meluas sehingga ke PBT peringkat daerah walaupun pada awalnya kita mensasarkan peringkat perbandaran ke atas. *What’s next?* Saya mahu melihat kita ke arah pelaksanaan **projek fizikal bandar pintar** melalui peruntukan BP1.
- iii. Akta Pembaharuan Semula Bandar ‘is a baby of YBKM’, dan perlu dilaporkan setiap minggu semasa Mesyuarat Pasca Kabinet. ‘*By hook or by crook*’, target KPKT adalah untuk membentangkan **Bacaan Kali Pertama PSB** pada sesi penggal pertama Parlimen pada Mac 2025.

- iv. Sebagai langkah ke depan, saya berpandangan bidang tugas ***satellite office*** yang sedia ada di PPZ diperluaskan untuk ***facilitate*** kepada pelaksanaan PSB, MUO, penyediaan *micro planning (community action planning)*, pelan pengurusan bandar (*city management plan*), pelan tindakan khas (PTK), menjalankan penyelidikan, pengumpulan data dan pemantauan projek.
- v. Memperkukuhkan perancangan spatial di peringkat RFN Ke-5 dan DPN3 agar menjadi dokumen rujukan penting dalam perancangan negara setaraf dan setanding dengan dokumen lain seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) yang sentiasa menjadi sebutan.
- vi. Pelan Strategik kita sekarang akan berakhir sehingga tahun 2025. Oleh itu, bagi pelan strategik akan datang bagi tempoh 2026-2030, kita perlu **memikirkan way forward** untuk **memperkasakan jabatan** sebagai peneraju dalam bidang perancangan negara.
- vii. Saya juga ingin menegaskan kepentingan **planning implementation melalui follow through exercise**, polisi dan pelan yang telah kita sediakan.
 - a. PM Negeri boleh memainkan peranan untuk tujuan ini di masa hadapan.
- viii. **Content perancangan** di masa hadapan perlu bersifat ***“Evidence Based Planning”***.

- a. Fungsi MUO perlu diperkukuhkan dengan modul-modul analisis yang dapat ***inform policy making and decision making***.
- ix. **Indeks-indeks perancangan** yang sedia ada, iaitu Pembangunan mampan, iDAM, SDGs dan *Smart Cities Indicator* boleh diselaraskan melalui platform MURNInet dan diserapkan di dalam sistem MUO.
- x. Kita perlu mempergiatkan lagi program **pengantarabangsaan** bukan setakat pembentangan kertas kerja sahaja, tetapi perlu memperluaskan:
 - a. Projek dan kajian secara kerjasama dengan badan antarabangsa. Contohnya, Program **Penjanaan Ekonomi Melalui Kitar Semula** oleh pihak ***Institute for Global Environmental Studies (IGES)*** di Pulau Redang bersempena “*ASEAN SDGs Frontrunner Cities Programme Phase 2 – Supporting Bottom-Up Innovations for Addressing Land-Based Plastic Marine Debris and Urban Resilience in ASEAN Cities*”;
 - b. Geran pelaksanaan projek dari badan antarabangsa;
 - c. Perkhidmatan kepakaran teknikal potensi pelaburan dan *business matching* kepada pelaburan asing melalui PeGTaECRL dan KAGUMN di **EXPO OSAKA 2025**; dan
 - d. Malaysia akan menjadi tuan rumah bersempena **Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025**. Bagi program yang melibatkan KPKT adalah:

Bil.	Program		Tentatif Tarikh	Tempat
1.	Asia Pacific Ministerial on Housing & Development	APMCHUD [Urbanice]	15-16 Apr 2025	Penang
2.	Asean Sustainable Urbanisation Forum	ASUF [BR]	4-7 Ogos 2025	KLCC
3.	Asean Mayor Forum	AMF [Urbanice]		
4.	Meeting of Governors & Mayors of Asean Capitals	MGMAC [Urbanice]		
5.	Asean Smart Cities Network	ASCN [BSA/BH]	26-28 Ogos 2025	Langkawi
6.	Asean Real Estate Summit (<i>focus on Housing theme - REHDA</i>)	ANRES [BR]	2-5 Julai 2025	KLCC

- xi. **Kolaborasi, kerjasama strategik** serta **sesi libat urus yang lebih kreatif dan holistik** perlu dipergiatkan lagi di peringkat PBT, IPTA, MIP, Urbanice, Kementerian dan agensi teknikal yang lain termasuk agensi swasta.
- Sebagai contoh – kerjasama rapat dengan IPTA boleh dilaksanakan melalui ***cross fertilization*** dan **penyediaan waran penyelidikan**.
 - Kolaborasi bersama agensi pelaksana seperti PBT dalam pelaksanaan projek seperti *smart cities early adopter, healthy city, safe city* dan sebagainya.
- xii. Untuk perancangan jangka panjang, kita kena fikirkan hala tuju **GPP**. Sama ada Jabatan **hanya menyediakan GPP guna tanah utama sahaja** dan lebih banyak **kajian penyelidikan dijalankan**, atau bagaimana? Itu nanti, yang saya nak saudara/saudari bincangkan juga nanti.

- xiii. Saya akan terus melaksanakan modus operandi **CARE AND LISTEN**, dan masa yang sama *career path* pegawai juga akan diberi perhatian. Bagi membentuk pegawai yang kompeten untuk **penugasan berbilang (multitasking) dan kemahiran berbilang (multi-skilling)**, latihan kemahiran dan kepimpinan berterusan akan diberi perhatian tidak kisah di dalam negara mahupun luar negara.
- xiv. Akhir sekali, promosi dan publisiti produk yang **lebih kreatif dan berinovatif**, kita kena mula memikirkan kaedah untuk “merakytakan promosi” yang lebih mudah difahami dan bukan lagi “*in technical language*”.

PENUTUP: PERKASA TATA KELOLA KITA

- 51. Sebagaimana yang diumumkan oleh PMX di dalam MAPPA baru-baru ini, kita maklum bahawa PMX telah mengumumkan ganjaran besar buat kita semua termasuk pengiktirafan kepakaran diberikan kepada pegawai yang berkeelayakan sebagai pegawai **Subject Matter Expert (SME)** kepada 7 bidang tujahan baharu termasuk **Pengurusan Bencana**. Tapi, ia haruslah bergerak seiring dengan tanggungjawab dan amanah. Kita semua sebagai penjawat awam perlu meningkatkan **iltizam kecekapan pentadbiran** dan melakukan **civil service reform** (reformasi perkhidmatan awam) untuk meningkatkan daya saing negara. Jaga integriti kita, amanah kita, tata kelola kerja yang bersih dan telus, dan usahlah bertanggung-tanggung kerja.

52. Akhir kalam, suka untuk saya mengajak warga PLANMalaysia yang saya kasihi untuk kekal bersama saya, “ke bukit sama kita daki, ke lembah sama kita turuni” agar kita bersama **Memperkasa Ikhtiar dan Tata Kelola Kita** untuk **Memperteguh Agenda Perancangan Bandar**.

53. Bak kata “bapak” Soekarno:

“Hidup bukanlah tentang ‘Aku Bisa Saja’, namun tentang ‘Aku Mencoba’. Jangan pikirkan tentang Kegagalan, itu Adalah Pelajaran.”

54. Diharapkan resolusi dan penemuan tindakan yang dibincangkan **dijadikan panduan bagi kita merangka jenis projek, kandungan projek, metodologi dan keutamaan di masa akan datang** agar mencapai visi kita iaitu menjadikan Jabatan ini sebagai **peneraju perancangan bandar dan desa yang ulung dan tersohor di Malaysia**.

55. Selamat berRKJ kepada semua. Pesan saya, *“bincang biar santai, tapi maksud tetap sampai”*. Saya akhiri ucapan saya dengan dua (2) rangkap pantun:

(nukilan TPr Rosmizawati binti Mohamed Salleh)

*Pulau Payar tiada tercela,
Pulau lagenda Pulau Langkawi,
Perkasa Ikhtiar dan tata kelola,
Perteguh agenda demi pertiwi.*

*Pohon bacang tanamnya rapat,
Tepi pantai nyiur melambai,
Kita berbincang sama sepakat,
Biarpun santai tapi sampai.*

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarokatuh.

Disediakan oleh:

Bahagian Korporat
2 September 2024, 2.45 Petang